

Tandingan silat perseorangan:

22 JUN 1979

Persisi nak kaji

Pencak silat
PERSEKUTUAN Seni Silat Singapura (Persisi) akan mengadakan kajian mendalam mengenai pertandingan seni silat antara orang perseorangan (seperti pertandingan judo dan karate) sebelum menganjurkan pertandingan seumpama itu di sini.

Kajian itu akan dijalankan dengan kerjasama pihak Indonesia, kata Encik Sidek Saniff, dalam satu temuramah dengan Berita Harian baru-baru ini.

Perkara baru

Menurut Encik Sidek, sungguhpun pertandingan silat antara orang-orang perseorangan adalah satu perkara baru di sini, malah belum pernah diadakan selama ini, tetapi ia telah diadakan di Indonesia sejak 10 tahun lalu.

Kita boleh mempelajari banyak perkara dalam menganjurkan pertandin-

gan seperti ini dari pihak Indonesia, katanya.

Encik Sidek selanjutnya menjelaskan bahawa pertandingan silat seperti ini akan diadakan lengkap dengan pengadil dan peraturan-peraturan tertentu.

Dewan Badminton

Para pegawai dan pesilat tempatan akan dikenalkan pada corak pertandingan silat ini apabila serombongan 20 orang pegawai dan pesilat dari Indonesia mengadakan lawatan ke sini dari 29 Jun hingga 2 Julai ini.

"Rombongan silat dari negara jiran kita itu akan mengadakan pertunjukan di sini di samping mengadakan bengkel silat untuk pesilat tempatan," katanya.

Adalah difahamkan bahawa corak baru pertandingan silat ini akan diperkenalkan kepada masyarakat tempatan bila anggota-anggota rombongan tadi mengadakan pertunjukan di Dewan Badminton Singapura pada 1 Julai.

Rombongan silat Indon akan lawat Singapura

26 JUN 1979

Pencak silat
SEROMBONGAN pegawai dan ahli silat dari Indonesia akan mengadakan lawatan muhibah ke Singapura dari 29 Jun hingga 2 Julai ini.

Kunjungan seramai 20 orang itu adalah sebagai membalas lawatan yang dibuat oleh wakil-wakil dari Persatuan Seni Silat Singapura (Persisi) ke Indonesia bulan lalu.

Rombongan itu akan

mengadakan pertunjukan silat di pembukaan Ekspo Persisi/Perses di kawasan tanah lapang Sims Avenue, berhampiran Masjid Aminah, 30 Jun ini, semasa di sini. Dan pada 1 Julai pula, mereka akan mengadakan pertunjukan di Dewan Badminton Singapura, Guillemard Road.

Adalah dipercayai, wakil-wakil silat dari kedua buah negara juga akan mengada-

kan perbincangan-perbincangan mengenai kemajuan dan perkembangan silat semasa rombongan dari Indonesia itu berada di Republik ini.

Rapatkan

Antaranya termasuklah tentang penubuhan sebuah pertubuhan silat antarabangsa yang kini sedang diura-urakan oleh pihak-pihak berkuasa silat di negara-negara Asean.

Dan sempena dengan lawatan itu, Persisi sedang mengatur rancangan untuk mengadakan bengkel-bengkel silat untuk ahli-ahli silat tempatan.

Rombongan dari Indonesia itu kemudian akan meneruskan lawatan ke Malaysia dan akan berada di sana sehingga 5 Julai.

Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada usaha untuk merapatkan silatulahim bidang pencak silat antara Singapura, Malaysia dan Indonesia.